

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBP 10102

PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2015/JANUARI 2016

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TUJUH (7)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Markah kuiz, rajah, imej dan bunyi merujuk kepada _____
- A data
 - B maklumat
 - C pengetahuan
 - D sistem maklumat
- S2 Fungsi teknologi maklumat berikut merupakan aktiviti menukar, menganalisis, membuat pengiraan dan mensintesis semua bentuk data atau maklumat.
- A Pengumpulan
 - B Pemprosesan
 - C Penjanaan
 - D Penyimpanan
- S3 Berikut adalah peranti input yang biasa digunakan oleh pengguna biasa atau perniagaan kecil, kecuali
- A kamera digital untuk fotografi
 - B *joystick* untuk permainan video
 - C kamera video untuk persidangan video
 - D papan kekunci untuk memasukan data
- S4 Manakah antara yang berikut bukan merupakan jenis data audio?
- A Video (moving picture)
 - B Bunyi (sound)
 - C Bising (noise)
 - D Nada (tone)
- S5 *Refresh rate* untuk mengemaskini imej pada skrin diukur dalam bentuk kitaran sesaat juga dikenali sebagai _____.
- A GHz or Giga Hertz
 - B MHz or Mega Hertz
 - C KHz or Kilo Hertz
 - D Hz or Hertz
- S6 Pencetak _____ menghasilkan output warna yang berkualiti tinggi dimana sukar untuk membezakannya dengan gambar berwarna.
- A *dot matrix*
 - B *thermal transfer*
 - C *multiple line*
 - D *image code*

- S7 Apakah maksud arahan MD dalam DOS?
- A Menukarkan sesuatu fail dalam komputer
 - B Membina fail/*folder* dalam komputer
 - C Membuang fail/*folder* yang tidak digunakan
 - D Membuat proses *fdisk* sebelum proses format
- S8 Unit berikut adalah unit pengurusan yang bertindak sebagai koordinator dan bertanggungjawab mengawal selia operasi unit-unit yang lain.
- A Sistem kawalan
 - B Unit pemprosesan pusat
 - C Unit memori
 - D Sistem utiliti
- S9 Pilihan yang sesuai untuk menyimpan maklumat dengan menggunakan teknologi cakera optik yang berkapasiti melebihi 5GB.
- A DVD-RW
 - B CD-R
 - C CD-RW
 - D BD-R
- S10 Pernyataan manakah yang tidak benar mengenai storan sekunder (secondary storage).
- A Data atau maklumat akan disimpan secara kekal
 - B Data atau maklumat akan hilang apabila di format
 - C Data akan hilang apabila bekalan kuasa dihentikan
 - D Data akan hilang atau rosak apabila dijangkiti virus
- S11 Berikut merupakan storan sekunder jenis magnetik, kecuali
- A *Hard disk*
 - B *Floppy disk*
 - C *Compact disk*
 - D *Magnetic tape*
- S12 Manakah antara perkakasan berikut yang tidak memerlukan pemacu peranti (device driver)?
- A Kad Bunyi
 - B Kad Rangkaian
 - C Pembesar Suara
 - D Monitor

S13 Suatu *software suite* adalah

- A perisian yang berkeupayaan untuk digunakan dalam persembahan teks
- B perisian yang mengandungi fungsi yang menyokong aktiviti berkumpulan seperti mesyuarat elektronik
- C perisian yang menggabungkan semua fungsi dalam pakej perisian komputer
- D perisian yang mengandungi versi sepenuhnya bagi semua aplikasi dan dibentuk menjadi satu unit perisian

S14 Manakah antara berikut merupakan contoh perisian *Freeware*?

- A WinRAR
- B Paint.net
- C StyleXP
- D Linux

S15 Manakah antara berikut bukan perkakasan rangkaian?

- A Router
- B Switch
- C Kabel UTP
- D NIC

S16 Rangkaian yang mempunyai kapasiti yang tinggi di dalam rangkaian WAN dikenali sebagai _____.

- A *Hearts*
- B *Backbones*
- C *Cores*
- D *Negotiators*

S17 Di dalam topologi _____, data di hantar dalam bentuk unit token.

- A *hierarchical*
- B *bus*
- C *ring*
- D *star*

S18 Antara berikut merupakan penjenayah komputer, kecuali

- A pengguna luar
- B penjual perisian
- C pengodam
- D pengklon perisian

S19 Manakah antara berikut bukan merupakan bentuk jenayah komputer?

- A Kerosakan
- B Kecurian
- C Manipulasi
- D Kegagalan komputer

S20 Berikut adalah ancaman terhadap keselamatan komputer.

- I Virus
- II Pencerobohan elektronik
- III Bencana alam
- IV Kecuaian manusia

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, II dan IV
- D I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

- S21** (a) Terangkan maksud maklumat dan berikan contoh bentuk maklumat.
(3 markah)
- (b) Berikan definisi *Information and Communcation Techonoloy* (ICT) dan contoh aplikasi ICT.
(3 markah)
- (c) Jelaskan dua (2) komponen utama komputer dan berikan contoh bagi setiap komponen tersebut.
(4 markah)
- S22** Jelaskan secara ringkas fungsi perkakasan berikut:
- (a) Web cam
 - (b) Pensintesis suara
 - (c) Kad bunyi
 - (d) Kamera video analog
 - (e) Pengimbas pegang tangan (hanheld scanner)
- (10 markah)
- S23** Jelaskan jenis dan kegunaan pencetak berikut:
- (a) *Mobile printer*
 - (b) *Plotter printer*
 - (c) *Label printer*
 - (d) *Thermal printer*
 - (e) *Laser printer*
- (10 markah)
- S24** Terangkan secara ringkas komponen perkakasan berikut:
- (a) Unit Pemprosesan Pusat (Central Processing Unit (CPU))
 - (b) Random Access Memory (RAM)
 - (c) Read Only Memory (ROM)
 - (d) Papan induk (mother board)
 - (e) *Port*
- (10 markah)
- S25** Nyatakan perbezaan storan optik dengan storan magnetik dan jelaskan tiga (3) jenis media storan optik dan tiga (3) media storan magnetik.
(10 markah)

- S26** Nyatakan maksud perisian *Freeware* dan *Shareware* dan berikan empat (4) perbezaan antara perisian *Freeware* dan *Shareware*.
(10 markah)
- S27** Huraikan dua (2) kelebihan dan dua (2) kekurangan di antara *Circuit Switching* dan *Packet Switching*.
(10 markah)
- S28** Nyatakan peranan *Energy Star* dan jelaskan unsur asas pengkomputeran hijau serta contoh penggunaannya.
(10 markah)

-SOALAN TAMAT-